

Kerangka Pelaporan Kewangan Institusi Masjid

Azizi@Hamizi Hashim
 Mohd Zulfikri Abd Rashid
 Mohd Fairuz Adnan
 Mohd Aripin Amat

ABSTRAK

Pengurusan dana kewangan institusi masjid kini dilihat semakin penting selari dengan fungsi dan perkembangannya kini. Ini adalah kerana dana dan sumbangan yang diterima oleh pihak masjid hasil dari sumbangan orang ramai melibatkan amaun yang banyak (Jaafar, 1999). Sekiranya dana ini tidak diuruskan dengan baik, ia bakal mengundang persepsi kurang baik dari masyarakat khususnya berkaitan isu ketelusan dan penyelewengan di dalam pengurusan dana. Bagi menangani isu ini, pelaporan kewangan dilihat sebagai inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan institusi masjid dan seterusnya mampu mengurangkan tanggapan negatif ini. Namun begitu, persoalan yang lebih asas berkenaan perkara ini adalah; adakah pihak jawatankuasa masjid yang menerima sumbangan dari awam ini dikehendaki atau dipertanggungjawabkan untuk menyediakan penyata kewangan? Adakah mana-mana masyarakat awam? Sehubungan itu, kajian ini nanti akan melihat adakah wujud kerangka pelaporan kewangan bagi institusi masjid di Malaysia dan sekiranya ada, apakah tahap pelaporan yang dikehendaki oleh kerangka sedia ada. Kajian ini akan dijalankan dengan mengumpul maklumat dari data sekunder iaitu buku-buku panduan atau tatacara pengurusan masjid yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Agama bagi negeri Pahang, Selangor dan Kedah. Seterusnya perbandingan akan dibuat berkenaan tahap-tahap pelaporan yang dikehendaki bagi ketiga-tiga negeri tersebut. Diharapkan hasil kajian nanti dapat memberi gambaran tentang amalan semasa berkenaan kerangka pelaporan kewangan bagi institusi masjid dan seterusnya menjadi titik tolak kepada pengurusan kewangan yang telus dan berintegriti.

Kata kunci: Kerangka pelaporan kewangan, institusi masjid, pengurusan masjid

Pengenalan

Bidang pelaporan kewangan di dalam institusi masjid dilihat masih lagi asing berbanding institusi korporat dan badan-badan berteraskan keuntungan lain. Bagi institusi berteraskan keuntungan khususnya syarikat, pelaporan kewangan adalah sesuatu yang bersifat mandatori. Ini adalah kerana kuasa perundangan di kebanyakan Negara termasuk Malaysia (berdasarkan Akta Syarikat, 1965) menghendaki syarikat-syarikat untuk menyediakan laporan kewangan yang lengkap kepada pihak berkepentingan khususnya pemegang saham. Namun menyedari hakikat bahawa perkembangan dan fungsi institusi masjid kini yang bukan lagi sekadar merupakan satu tempat bagi umat Islam melakukan ibadat khusus (Hasan, 2008) maka bidang pelaporan kewangan bagi institusi masjid dilihat perlu mengambil tempat dan bergerak selari dengan hasrat ini.

Keperluan kepada pelaporan kewangan bagi institusi masjid dilihat lebih mendesak memandangkan jumlah dana yang diterima oleh pihak masjid hasil dari sumbangan orang ramai telah melibatkan jumlah kutipan yang besar. Kajian yang telah dijalankan oleh Hasan (2008) menunjukkan terdapat masjid yang telah mempunyai dana terkumpul melebihi RM500,000. Jumlah besar sebegini jika tidak dikawal selia dengan sekurang-kurangnya oleh satu sistem pelaporan yang minima mungkin akan mendedahkan kepada isu yang jauh lebih mendatangkan kesan buruk seperti penyelewengan dan salah guna kuasa. Justeru, amalan pelaporan kewangan institusi masjid dilihat mampu mengelak dari berlakunya masalah-masalah sebegini disamping meningkatkan tahap profesionalisme institusi masjid khususnya di dalam bidang pengurusan kewangan. Dalam hal ini, pihak-pihak berkepentingan terhadap institusi masjid khususnya masyarakat awam yang telah menginfakkan wang mereka sekurang-kurangnya akan dapat melihat apakah aktiviti atau saluran yang dibelanjakan oleh pihak masjid sekiranya pihak jawatankuasa masjid menyediakan laporan kewangan. Walaubagaimanapun, berdasarkan kajian oleh Siti (2008) telah mendapati bahawa aspek belanjawan dan pelaporan masih menjadi kelemahan di dalam amalan pengurusan kewangan institusi masjid di Malaysia. Dari sudut lain pula, terdapat juga masjid yang menyediakan laporan kewangan yang lengkap

menyamai laporan kewangan syarikat sebagaimana yang diamalkan oleh Masjid Al-Falah USJ 9, Subang Jaya, Selangor.

Berdasarkan fenomena ini, persoalan yang boleh ditimbulkan adalah mengapa wujud ketidakseragaman dari segi amalan pelaporan kewangan oleh institusi-institusi masjid ni? Apakah garis panduan atau peruntukan yang digunakan bagi penyediaan laporan kewangan oleh masjid? Atau persoalan yang lebih mendasar; adakah di sana terdapat mana-mana peraturan atau peruntukan yang telah digazetkan yang menghendaki institusi masjid bagi menyediakan laporan kewangan? Bagi menjawab persoalan ini, kajian yang dilakukan ini akan melihat struktur kerangka pelaporan kewangan semasa bagi institusi masjid dengan mengenal pasti peruntukan dan peraturan sedia ada berkenaan laporan kewangan serta tahap-tahap pelaporan yang dikehendaki.

Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui peruntukan atau peraturan yang mengawal selia pelaporan kewangan institusi masjid bagi negeri Kedah, Selangor dan Pahang.
2. Memeriksa struktur akauntabiliti pelaporan kewangan masjid berdasarkan peruntukan sedia ada.
3. Mengetahui tahap pelaporan yang dikehendaki oleh peruntukan atau peraturan sedia ada.

Sorotan Karya

Di dalam bidang pelaporan kewangan syarikat, persoalan kerangka pelaporan bukan lagi menjadi isu oleh kerana ia telah mempunyai piawai perakaunan yang telah diterima pakai malah mempunyai kuasa undang-undang. Justeru kajian dalam bidang ini lebih tertumpu kepada elemen dan item laporan kewangan yang merangkumi asset, liabiliti dan ekuiti serta kesan pelaporan kewangan terhadap persekitarannya. Sebagai contoh kajian oleh Graham (2005) telah mengkaji berkenaan kesan ekonomik terhadap keputusan eksekutif perakaunan di Amerika Syarikat dalam pemilihan polisi pelaporan. Terdapat juga kajian berkenaan isu penipuan dalam pelaporan kewangan sebagaimana kajian oleh Beasley (2000) yang mengkaji penipuan di dalam pelaporan dan kaitannya dengan 3 industri iaitu industri teknologi, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan kewangan. Manakala di Malaysia terdapat juga beberapa kajian berkenaan pelaporan kewangan korporat antaranya kajian oleh Othman dan Ameer (2010) yang mendapati pendedahan berkenaan pemuliharaan alam oleh syarikat Perladangan sawit di Malaysia berbeza-beza dari segi lokasi pelaporannya. Disebalik kajian yang melibatkan isu-isu penipuan dan pelaporan sukarela (*voluntary reporting*) di atas, kajian berkaitan kerangka pelaporan juga masih mendapat perhatian dimana tumpuan kebanyakannya diberikan kepada isu piawaian perakaunan khususnya perubahan ke arah mengguna pakai Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) sebagaimana kajian oleh Armstrong (2010) mendapati kesan positif hasil dari perubahan kepada piawai antarabangsa (IFRS) terhadap pasaran saham di negara-negara Eropah.

Bagi institusi yang tidak berorientasikan keuntungan pula seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO), terdapat beberapa kajian yang dijalankan berkenaan pelaporan kewangan institusi-institusi ini. Kajian oleh Tayib (1999) menunjukkan disebalik ketiadaan keperluan pelaporan menurut piawai perakaunan, penyediaan laporan kewangan oleh pihak PBT amatlah diharapkan oleh pembayar cukai. Manakala kajian bagi pelaporan kewangan sektor awam di Eropah pula mendapati pelbagai tahap di dalam mengguna pakai Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa Sektor Awam (IPSAS) di kalangan negara-negara Eropah (Christieans, 2010).

Adapun institusi keagamaan seperti masjid, gereja dan sebagainya, pelbagai kajian sama ada di peringkat Nasional mahupun antarabangsa telah dilakukan khususnya berkaitan pentadbiran dan pengurusan kewangan institusi ini. Di England, satu kajian telah dijalankan oleh Laughlin (1990) berkenaan kebertanggungjawaban kewangan institusi gereja di sana. Manakala kajian di US telah memberi dapatan berkenaan evolusi pelaporan kewangan di Gereja Protestant. Di Malaysia, beberapa kajian juga ditemui yang

kebanyakannya menumpu kepada pentadbiran masjid seperti kajian oleh Roslan (2008) yang mengenal pasti amalan pentadbiran semasa institusi masjid dan beliau seterusnya mencadangkan langkah-langkah ke arah meningkatkan tahap profesionalisme institusi masjid. Namun begitu, kajian berkenaan aspek kewangan masjid juga boleh dilihat melalui penyelidikan yang telah dijalankan berkenaan pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh masjid negeri untuk mengetahui tahap akauntabiliti organisasi Islam di Malaysia (Siti, 2008). Begitu juga kajian oleh Hasan (2008) mengenal pasti amalan semasa oleh pihak masjid berkenaan cara menjana pendapatan dan seterusnya mencadangkan kaedah terbaik untuk menjana kewangan masjid. Walaupun kajian-kajian ini melihat aspek kewangan masjid secara khusus, namun amat kurang penekanan diberi berkenaan aspek pelaporan kewangan masjid. Justeru, kajian ini dilihat mampu menampung kekurangan ini dan seterusnya mampu menjadi pemangkin kepada kewujudan kerangka pelaporan kewangan masjid yang komprehensif di masa akan datang.

Kaedah Penyelidikan

Bagi menjalankan penyelidikan ini, aspek kutipan data dan analisa data adalah dijalankan seperti berikut:

Kutipan Data

Bagi menjalankan kajian ini, pada asasnya data yang digunakan adalah data sekunder iaitu merujuk kepada peruntukan undang-undang atau enakmen dan juga manual panduan pengurusan masjid yang diperolehi dari pejabat pentadbiran masjid, pejabat pihak berkuasa agama negeri dan juga laman sesawang pihak berkaitan. Sekiranya data tersebut tiada dalam bentuk data sekunder, temubual dengan pihak berkenaan akan dilakukan bagi mendapatkan data yang dimaksudkan. Oleh kerana kajian ini hanya menumpukan 1 negeri bagi setiap wilayah iaitu utara, timur dan tengah, maka kajian ini memilih Negeri Pahang untuk Wilayah Timur, Kedah untuk Wilayah Utara dan Selangor untuk Wilayah Tengah.

Analisa Data

Data yang telah dikumpul dari ketiga-tiga negeri tersebut akan dipecahkan kepada tiga kategori utama iaitu:

1. **Struktur Akauntabiliti** – Hubungan yang wujud di antara pihak yang bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan dengan pihak yang menerima atau memberi arahan.
2. **Kerangka/Piawai (Kehendak Pelaporan)** – Secara idealnya, kerangka pelaporan kewangan boleh dirujuk sebagaimana piawai yang telah dibentuk dan diguna pakai di dalam profesyen perakaunan. Di Malaysia, piawaian pelaporan kewangan bagi syarikat yang telah diguna pakai adalah *Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS)*. Namun begitu, di dalam persekitaran pelaporan yang tidak mempunyai piawai yang diterima umum dan diguna pakai oleh institusi masjid, kajian ini hanya memfokuskan kepada keperluan pelaporan (sebagaimana termaktub di dalam enakmen dan peraturan pengurusan kewangan) untuk perkara berikut:
 - a) **Jenis laporan kewangan yang perlu disediakan** – Penyata pendapatan, Lembaran Imbangan dan Penyata Alir Tunai.
 - b) **Lain-lain keperluan pelaporan** – Ini termasuklah penyimpanan penyata bank, resit dan sebagainya.

Setelah senarai di atas lengkap untuk ketiga-tiga negeri, seterusnya analisa akan dibuat secara perbandingan. Hasil perbandingan nanti akan merumuskan negeri manakah yang mempunyai kerangka pelaporan yang paling lengkap secara relatif.

Dapatan Kajian

Ringkasan bagi dapatan kajian adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Struktur Akauntabiliti dan Keperluan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Masjid di Pahang, Selangor dan Kedah

	Pahang	Selangor	Kedah
Akauntabiliti Pelaporan	a) Pihak Bendahari masjid bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan dan perlu menyerahkan/melapor kepada Majlis Agama Islam Pahang	a) Pihak Bendahari masjid bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan dan perlu menyerahkan/melapor kepada Majlis Agama Islam Selangor	a) Pihak Bendahari masjid bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan dan perlu menyerahkan/melapor kepada Majlis Agama Islam Kedah
	b) Melapor/bentang kepada ahli qariah pada mesyuarat agung tahunan.	b) Melapor/bentang kepada ahli qariah pada mesyuarat agung tahunan.	b) Melapor/bentang kepada ahli qariah pada mesyuarat agung tahunan.
Peruntukan	Kaedah 14- Enakmen Pentadbiran Undang undang Islam 1991 & Buku Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang	Kaedah 29 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 & Kelulusan mesyuarat antara jawatankuasa tertinggi masjid dengan Majlis Agama Islam Selangor	No 14- Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1962 & Panduan pelaksanaan pengurusan aktiviti pengimarahkan Masjid-masjid Negeri Kedah Darul Aman
Penyata Kewangan:			
a) Penyata pendapatan	√	√	√
b) Penyata kedudukan kewangan	√	√	√
c) Penyata aliran tunai	√	√	√
Peruntukan	Buku Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang	Kelulusan mesyuarat antara jawatankuasa tertinggi masjid dengan Majlis Agama Islam Selangor	Panduan pelaksanaan pengurusan aktiviti pengimarahkan Masjid-masjid Negeri Kedah Darul Aman
Lain-lain kehendak pelaporan:			
a) Perlu mempamer penyata alir tunai di papan kenyataan	√	√	Tiada
Peruntukan	Buku Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang & Kaedah 14- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991	Kelulusan mesyuarat antara jawatankuasa tertinggi masjid dengan Majlis Agama Islam Selangor & Kaedah 29 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989	Panduan pelaksanaan pengurusan aktiviti pengimarahkan Masjid-masjid Negeri Kedah Darul Aman & No 14- Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1962

Berdasarkan Jadual 1, perbandingan boleh dilihat bagi struktur akauntabiliti dan keperluan pelaporan kewangan bagi institusi masjid di tiga negeri iaitu Pahang, Selangor dan Kedah. Dari segi struktur akauntabiliti, institusi masjid di ketiga-tiga negeri di atas dikehendaki atau dipertanggungjawabkan oleh enakmen dan undang-undang untuk menyediakan penyata kewangan sekali setahun di bawah kuasa Majlis

Agama Negeri masing-masing. Di samping itu, pihak masjid bagi ketiga-tiga negeri juga perlu membentangkan laporan kewangannya kepada ahli qariah di dalam mesyuarat agung tahunan berdasarkan kepada peruntukan negeri masing-masing. Namun begitu, pihak masjid dipertanggungjawabkan untuk menghantar laporan kewangan lengkap hanya kepada pihak berkuasa agama negeri disamping mereka tidak dipertanggungjawabkan untuk melaporkan kepada orang awam. Penyediaan laporan kewangan ini terletak di bawah tanggungjawab bendahari masjid yang di lantik dari kalangan kariah masjid melalui mesyuarat tahunan kariah. Selain itu, bendahari hendaklah menyimpan akaun-akaun, merekod dan menyediakan laporan kewangan masjid bagi tempoh-tempoh tertentu. Secara dasarnya, tiada sebarang perbezaan dari segi struktur akauntabiliti kecuali jenis peruntukan yang digunakan dimana bagi negeri Kedah ia menggunakan Undang-undang manakala Pahang dan Selangor menggunakan Enakmen.

Bagi kehendak pelaporan pula, ketiga-tiga negeri mempunyai keperluan yang sama dari segi laporan kewangan yang perlu disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Sebagaimana yang dirujuk melalui peruntukan negeri masing-masing, kesemuanya menghendaki pihak masjid menyediakan penyata asas sebagaimana pelaporan kewangan konvensional iaitu penyata pendapatan, penyata kedudukan kewangan dan penyata aliran tunai walaupun terdapat perbezaan istilah bagi laporan yang dimaksudkan sebagai contoh peruntukan di Kedah menggunakan istilah kunci kira-kira manakala peruntukan bagi masjid di Pahang menggunakan istilah Penyata Kira-kira bagi menggambarkan penyata kedudukan kewangan. Perbezaan juga wujud dari segi peruntukan yang digunakan dimana negeri Kedah dan Pahang memperuntukannya melalui Buku Panduan tatacara pengurusan masjid negeri masing-masing manakala Selangor memperuntukkan kehendak pelaporannya melalui kelulusan mesyuarat antara jawatankuasa tertinggi masjid dengan Majlis Agama Islam Negeri. Bagi lain-lain keperluan pula, peruntukan di negeri Pahang dan Selangor menghendaki pihak masjid mempamerkan hasil kutipan dan perbelanjaan bulanan di papan kenyataan masjid manakala tiada peruntukan sedemikian bagi institusi masjid di Kedah.

Kesimpulan dan Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian di atas, secara keseluruhannya bolehlah disimpulkan bahawa Institusi masjid di ketiga-tiga negeri ini sebenarnya telah mempunyai kerangka asas bagi pelaporan kewangan berdasarkan enakmen pentadbiran hal ehwal Islam negeri masing-masing dan juga panduan tatacara pengurusan masjid negeri. Namun begitu, terdapat ketidakseragaman dari segi keperluan pelaporan. Perkara ini bukanlah sesuatu yang luar biasa memandangkan pentadbiran hal ehwal agama termasuklah hal ehwal kewangan institusi masjid digubal mengikut negeri masing-masing. Disamping itu, peruntukan enakmen ini juga menggunakan istilah yang agak umum berkenaan keperluan menyediakan laporan kewangan. Dari sudut profesyen perakaunan, istilah ini boleh mengundang tafsiran yang pelbagai bermula dari hanya penyata aliran tunai sehinggalah penyata kewangan yang lengkap. Hal ini mungkin boleh membawa ketidakseragaman pula kepada amalan pelaporan oleh pihak institusi masjid. Oleh kerana amalan pelaporan semasa oleh pihak masjid adalah di luar skop kajian ini, kajian lanjut diperlukan untuk mengenal pasti sama ada wujud atau tidak ketidakseragaman ini. Namun perkara ini mungkin telah diselesaikan melalui arahan pentadbiran pihak berkuasa agama dari semasa ke semasa.

Selain itu, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan amalan semasa yang menunjukkan tahap pelaporan yang lemah oleh institusi masjid sebagaimana dapatan kajian oleh Siti (2008). Oleh kerana perkara ini adalah di luar skop kajian ini, maka isu ini bolehlah diteliti dengan lebih mendalam khususnya berkenaan faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap pelaporan yang lemah di kalangan institusi masjid ini walaupun mereka sebenarnya dikehendaki untuk menyediakan laporan kewangan berdasarkan peruntukan enakmen negeri masing-masing. Mungkinkah ianya berpunca dari faktor penguatkuasaan atau pihak pengurusan masjid sendiri yang tidak memahami secara jelas tentang akauntabiliti mereka? Semuanya ini memerlukan kajian lanjut dan mendalam bagi merungkai persoalan-persoalan ini.

Rujukan

Armstrong, C. S., Barth, M. E., Jagolinzer, A. D., & Riedl, E. J. (2010). Market reaction to the adoption of IFRS in Europe. *The accounting review*, 85(1), 31-61.

- Beasley, M. S., Carcello, J. V., Hermanson, D. R., & Lapides, P. D. (2000). Fraudulent financial reporting: Consideration of industry traits and corporate governance mechanisms. *Accounting Horizons*, 14(4), 441-454.
- Christiaens, J., Reyniers, B., & Rollé, C. (2010). Impact of IPSAS on reforming governmental financial information systems: a comparative study. *International Review of Administrative Sciences*, 76(3), 537-554.
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 Negeri Selangor. Retrived from www.e-syariah.gov.my(accessed: 21 August 2013).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 Negeri Pahang. Retrived from www.e-syariah.gov.my (accessed: 21 August 2013).
- Graham, J. R., Harvey, C. R., & Rajgopal, S. (2005). The economic implications of corporate financial reporting. *Journal of accounting and economics*, 40(1), 3-73.
- Hasan Baharom (2008). *Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jaafar, A., Sanep, A., Mariani, A.M., & Hairunnizam, M. (1999). *Dana Dan Harta Masjid Di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laughlin, R. C. (1990). A model of financial accountability and the Church of England. *Financial Accountability & Management*, 6(2), 93-114.
- Othman, R., & Ameer, R. (2010). Environmental disclosures of palm oil plantation companies in Malaysia: a tool for stakeholder engagement. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 17(1), 52-62.
- Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang* (2005), Jabatan Agama Islam Pahang, Pekan, Pahang.
- Panduan Pelaksanaan Pengurusan Aktiviti Pengimarahhan Masjid-masjid Negeri Kedah Darul Aman. Retrived from <http://agbaling.tripod.com/buku02.html> (accessed : 28 Ogos 2013).
- Roslan, M (2008). *Pemeriksaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Alawiah, S., Shahul Hamed, M. I., & Maliah, S. (2008). *Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tayib, M., Coombs, H. M., & Ameen, J. R. M. (1999). Financial reporting by Malaysian local authorities: a study of the needs and requirements of the users of local authority financial accounts. *International Journal of Public Sector Management*, 12(2), 103-121.
- Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1962 Negeri Kedah. Retrived from www.e-syariah.gov.my (accessed: 21 August 2013).

AZIZI@HAMIZI BIN HASHIM, MOHD ZULFIKRI BIN ABD RASHID, MOHD FAIRUZ BIN ADNAN, MOHD ARIPIBIN BIN AMAT.

Universiti Teknologi MARA (Pahang).

azizih@pahang.uitm.edu.my, mohdzulfikri@pahang.uitm.edu.my, fairuzadnan@pahang.uitm.edu.my,

aripin@pahang.uitm.edu.my.